

Headline	Jemaah haji tidak perlu bimbang jangkitan MERS Cov		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	02 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	29	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	128 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,864
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,592



Jemaah haji tidak perlu bimbang jangkitan MERS-Cov

Makkah: Jemaah haji tidak perlu bimbang terhadap jangkitan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-Cov) kerana jangkitan itu dilaporkan tidak berlaku di kedua-dua kota suci Makkah dan Madinah, yang menjadi pusat tumpuan ibadah musim haji nanti.

Pengerusi Muassasah Asia Tenggara Tan Sri Sheikh Zuhair A. Hamed Sadayu berkata kerajaan Arab Saudi juga telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani MERS-Cov.

Beliau berkata kes terbaru berkaitan MERS-Cov hanya dilaporkan berlaku pada Mei

lepas di luar kawasan kedua-dua kota suci itu.

Bagaimanapun, Zuhair menasihati jemaah haji tidak melakukan aktiviti luar seperti melawat ladang unta

atau kebun kurma "Jemaah haji tidak digalakkan melawat ladang ternakan haiwan, kebun kurma dan tempat penyembelihan ketika membayar

Dam," katanya kepada pemberita

penterjemah di sini, hari ini.

Beliau sebelum itu mengadakan pertemuan dengan pimpinan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi membincangkan persiapan akhir musim haji tahun ini. Turut hadir Pengerusi TH Datuk Seri Abdul Azeez Rahim dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Tan Sri Ismee Ismail.

Sementara itu Abdul Azeez berkata TH juga telah mengambil langkah-langkah tertentu seperti menggalakkan jemaah haji memakai topeng muka, selain memberikan suntikan tertentu un-

tuk jemaah haji sebelum berlepas ke Tanah Suci.

Abdul Azeez berkata, mereka yang mengalami asma yang teruk sebelum berlepas ke Tanah Suci juga akan di-

berikan rawatan sewajarnya bagi memastikan ia tidak menjangkiti jemaah lain.

"Virus Mers-CoV didapati mudah berjangkit kepada mereka yang menghidap asma, berikutan cuaca agak panas pada musim haji yang dijangka melebihi 45 darjah celsius. Jemaah haji dinasihatkan membawa ubat-ubatan bagi mengelakkan mereka mengalami asma," katanya.

FAKTA

Jemaah haji tidak digalakkan melawat ladang ternakan haiwan, kebun kurma